

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436
Email : bkk@lth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

Program Iqra' TH Beri Bantuan Kembali Ke Sekolah Pelajar Asnaf

Kangar, Selasa, 22 November 2016: Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini mengagihkan zakat pendidikan berjumlah **RM43,500** kepada **87 orang pelajar** dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Program Iqra' 2016 Peringkat Negeri Perlis yang diadakan di Dewan SK Kampung Salang, Kangar, Perlis.

Para pelajar dari **7 buah sekolah** terpilih di sekitar Daerah Kangar ini menerima **sumbangan berjumlah RM500 setiap seorang**, berupa kelengkapan sekolah bernilai RM200 dan wang tunai berjumlah RM300. Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh **Tuan Haji Amat Kassim Pait, Pengarah TH Negeri Perlis.**

"Pengagihan sumbangan zakat di bawah Program Iqra' ini bertujuan membolehkan pelajar asnaf dan kurang berkemampuan membuat persediaan bagi menghadapi sesi persekolahan 2017. Sumbangan ini juga sebagai suntikan semangat dan pendorong kepada para pelajar agar lebih berdaya maju dan cemerlang dalam pelajaran, seterusnya meningkatkan taraf sosio ekonomi masing-masing," kata Tuan Haji Amat Kassim Pait.

Program Iqra' yang menasarkkan pelajar asnaf seluruh negara ini merupakan antara program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan oleh **TH** setiap tahun. Program yang dilaksanakan dalam bulan November ini mengunjurkan pengagihan zakat pendidikan berjumlah **RM2 juta** kepada **4,000**

pelajar daripada **178 sekolah** di seluruh negara. Sehingga hari ini, **TH** telah selesai melaksanakan majlis penyerahan sumbangan Program Iqra' di sembilan buah negeri (Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan, Johor, Terengganu, Pulau Pinang, Sabah, Selangor dan Melaka).

Sebagai tanda keprihatinan dan tanggungjawab sosial **TH** terhadap golongan asnaf dan kurang bernasib baik, program ini turut dilihat sebagai usaha menyokong inisiatif Kerajaan dalam membangunkan modal insan serta melestarikan komuniti Islam negara. **TH** berharap sumbangan ini dapat mendorong dan memberi motivasi kepada para pelajar untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, sekaligus menjadi pemangkin perubahan ke arah meningkatkan taraf sosio ekonomi diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Encik Izmi Ismail, Pengarah Pendidikan Negeri Perlis, Tuan Haji Sharudin Abdullah, YDP PIBG Sek. Keb. Kampung Salang, pengetua-pengetua, guru-guru sekolah terpilih serta anggota **TH**.

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas dan hospitaliti. **TH** mempunyai 123 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.

Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<p>Mohamad Zakee Mohd Zaludin Eksekutif Perhubungan Media Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 018-2633270 / 019-2333364 Faks: 03 2164 0436 Email: zakee@lth.gov.my</p>	<p>Mohamad Naser Jaffar Pengurus Kanan Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019-2008438 Faks: 03 2164 0436 Email: naser@lth.gov.my</p>
--	---